

**Title** : Masyarakat Maklumat dan Budaya Siber

**Author(s)** : Ivan Lim Koon Heng & Jerry See Toh Kok

**Institution** : School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia

**Category** : Article

**Topic** : Community, Society, Culture

**Publisher** :

## Pengenalan Kepada Masyarakat Maklumat

Dari segi perspektif ontologi, masyarakat maklumat membawa maksud bahawa sesuatu masyarakat itu hidup tanpa sempadan/batasan. Masyarakat melakukan kegiatan hariannya dengan mudah dan pantas. Ia juga dikenali sebagai zaman informasi. Keadaan ini berbeza semasa manusia hidup di zaman Revolusi Industri pada abad ke-19 yang berlaku di England. Pada waktu itu, masyarakat lebih bergantung kepada tenaga manusia semata-mata. Hubungan di antara dunia luar pula amatlah terhad. Kegiatan ekonomi serta industri hanya tertumpu di sesuatu kawasan sahaja. Penduduk di sekitar England ketika itu bergegas berhijrah ke ibu kota England untuk mendapatkan pekerjaan. Ini menjadikan keadaan di situ semakin sibuk dan padat.

Tetapi keadaan ini berubah apabila berlakunya peningkatan dalam penciptaan dan penggunaan pelbagai jenis teknologi. Apa yang boleh membanggakan kita ialah dunia menjadi semakin kecil dan mudah dihubungi. Manusia kini tidak perlu lagi belayar dengan menggunakan kapal layar dan sebagainya. Maklumat mengenai dunia luar mudah didapati. Kesemua ini adalah atas jasa daripada teknologi telekomunikasi komputer. Sistem perniagaan, perdagangan, kewangan, pendidikan, perubatan dan sebagainya dapat dijalankan dengan cekap dan senang. Apa yang hebat lagi ialah penggunaan telefon bimbit yang dapat menghantar pesanan mesej bergambar.

Kesemua ini berlaku dalam jangka masa yang amat singkat sahaja. Sekiranya masyarakat atau negara itu tidak dapat menerima dan bergerak selaras dengan perubahan ini, maka mereka ini akan ketinggalan. Ini akan mewujudkan satu jurang atau 'gap' di antara dunia moden dan miskin. Malaysia sendiri menghadapi perubahan yang drastik ini. Keadaan Malaysia kini tidak lagi sama seperti pada zaman kolonial dan pos-kolonial. Apa yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia ialah kami merupakan salah sebuah negara dunia ke-3 yang paling maju dan mempunyai infrastruktur yang dikatakan antara yang terbaik di antara negara-negara moden.

Sebenarnya, usaha untuk melahirkan masyarakat bermaklumat lahir daripada ilham perdana menteri kita iaitu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Apabila Dr. Mahathir memegang tampuk pemerintahan pada 16 Julai 1981, beliau sudah berani menyatakan hasratnya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri dan moden. Beliau memperkenalkan Dasar Perindustrian Berat yang membawa kepada kemunculan kereta Proton, Perwaja Steel, perindustrian simen dan industri-industri. Ramai yang menyatakan ia satu perbuatan yang gila dan tidak dapat dicapai. Tetapi semua pendapat ini dapat disangkal dengan kejayaan yang dikecapi hingga ke hari ini. Kemudian Dr. Mahathir memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur yang mana beliau ingin rakyat Malaysia menimba ilmu daripada negara timur terutamanya Jepun. Sehingga anak lelaki serta menantunya menimba ilmu dan pengalaman di Jepun. Ini menunjukkan bahawa beliau seorang yang berfikiran jauh dan berani. Kesemua ini bukanlah semata-mata untuk kepentingan diri beliau, tetapi sebenarnya Dr. Mahathir mahukan rakyat Malaysia belajar mencipta teknologi sendiri, tidak bergantung kepada dunia barat serta dapat menghadapi cabaran.

Oleh itu, apa yang dikecapi oleh negara serta rakyat Malaysia bukannya usaha sehari atau dua, tetapi ia selama bertahun-tahun. semuanya tidak dapat dilakukan tanpa pengalaman atau pendedahan. Tidak mungkin masyarakat maklumat dapat dihasilkan tanpa adanya usaha yang keras.

## Konsep Ontologi Masyarakat Maklumat Di Malaysia

Untuk menjadikan rakyat Malaysia sebuah masyarakat maklumat bukanlah suatu perkara yang mudah. Ia merupakan suatu proses yang panjang dan berterusan. Bagi negara kita, telah berlaku perubahan yang amat ketara bagi masyarakat kini dengan

masyarakat sebelum merdeka. Perubahan ini berlaku kerana adanya peningkatan dalam penggunaan teknologi. Pertamanya, kita dapat melihat adanya sistem penyiaran radio dan televisyen Malaysia (Rancangan Televisyen dan Radio Malaysia-RTM) yang dikendalikan oleh kerajaan. Ia merupakan satu langkah positif yang di ambil oleh kerajaan Malaysia yang mana ingin menyalurkan satu sumber ilmu serta maklumat kepada rakyat. RTM bukan sahaja bertanggungjawab menyalurkan dan menyediakan rancangan televisyen atau radio dalam bentuk hiburan, tetapi juga melibatkan penyampaian berita serta rancangan pendidikan. Keadaan ini secara tidak langsung memberi pilihan yang lebih banyak kepada rakyat untuk memilih saluran maklumat selain daripada akhbar, majalah, dan sebagainya. Selepas itu, muncul pula syarikat penyiaran kedua negara yang dimiliki oleh pihak swasta iaitu, Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB-TV3). Kehadiran TV3 dalam dunia penyiaran telah memberi pilihan yang lebih luas kepada masyarakat kita. Tidak cukup dengan tiga saluran, wujud pula firma lain seperti Metrovision, MegaTv, NTV 7, Channel 9, serta Astro. Kemunculan syarikat Astro adalah hasil daripada pelancaran satelit negara yang pertama. Dengan adanya Astro dan satelit, maka kita dapat menikmati saluran daripada luar negara seperti Cable News Network (CNN), British Broadcasting Corporation (BBC), Bloomberg dan sebagainya. Ini bukan sahaja memberi maklumat serta berita luar negara, tetapi juga membantu aktiviti perdagangan, kewangan, perniagaan, pasaran saham dan banyak lagi. Ia memudahkan para ahli korporat serta perniagaan memperolehi maklumat-maklumat yang berkaitan bidang mereka. Misalnya, ramai ahli korporat serta perniagaan yang bergantung kepada pasaran New York Stock Exchange (NYSE), Dow Jones, Wall Street, Nikkei, Hang Seng, dan pelbagai lagi. Kesemua maklumat serta berita terkini ini boleh didapati dengan mudah dikaca televisyen kini.

Kedua, bidang telekomunikasi juga memainkan peranan yang besar lagi sejak dahulu. Telekomunikasi yang dikaitkan ialah sistem telefon yang telah beroperasi di negara kita yang kian lama. Telekom Malaysia banyak menyumbang kepada sistem pehubungan di negara kita. Bermula daripada telefon rumah dan awam, ianya berkembang kepada penggunaan telefon mudah alih hingga kepada telefon bimbit. Semua ini bukannya sumbangan daripada sebuah firma atau syarikat, tetapi ia hasil kemunculan pelbagai syarikat lain seperti Celcom, DiGi, Maxis, Mobifon, dan Tm Touch. Dengan adanya kemudahan seperti ini, maka perhubungan kita tidak hanya terhad kepada sesebuah negara atau tempat, tetapi seluruh dunia.

Walaubagaimanapun, tahap yang paling ketara yang telah melahirkan masyarakat maklumat di negara kita bermula pada tahun 1996 di mana Dr. Mahathir telah menyatakan hasratnya untuk membina Multimedia Super Corridor (MSC). Sejak dari itu, beliau serta para pemimpin lain tidak pernah melihat ke belakang lagi. MSC bukan hanya merupakan satu pusat perniagaan serta pentadbiran, tetapi ia merupakan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat maklumat. Kemunculan MSC telah banyak membawa perubahan kepada corak kehidupan masyarakat kita. Jika sebelum penubuhan MSC, ramai rakyat Malaysia yang masih tidak tahu menggunakan komputer serta internet. Tetapi, apabila Dr. Mahathir menyatakan hasratnya itu, maka telah berlaku kesedaran di kalangan kita. Sebenarnya, idea MSC bukanlah hasil peniruan Lembah Silikon, tetapi ia mempunyai identiti kerajaan, agama, budaya, bangsa serta masyarakat kita. MSC meliputi kawasan seluas 15 kilometer (km) lebar dan 50 km panjang. Ia merangkumi Bangunan Bekembar Petronas (KLCC) di bahagian utara hinggalah ke bahagian selatan iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Antara pusat-pusat lain yang termasuk ke dalam MSC ialah Putrajaya, Cyberjaya, Universiti Putra Malaysia (UPM), serta Technology Park Malaysia. MSC merupakan satu pelan jangka panjang dari tahun 1996-2020. tujuan utama MSC ditubuhkan bukan hanya untuk menjadikan Malaysia

sebuah negara yang maju, tetapi membawa Malaysia kepada masyarakat maklumat dan menjadi perintis kepada dalam zaman maklumat.

#### Institusi Pentadbiran

Apabila wujudnya Putrajaya, maka ia merupakan satu titik permulaan kepada pentadbiran negara yang mana hampir keseluruhan kementerian berpindah ke Putrajaya pada tahun 1998. Putrajaya menjadi pusat pentadbiran kerajaan yang berasaskan elektronik. Ini bermakna pentadbiran tidak seperti dahulu lagi. Ia akan mengurangkan penggunaan kertas kerja. Pentadbiran kerajaan akan menjadi lebih cekap dan pantas kerana setiap kementerian di hubungkan antara satu sama lain dengan infrastruktur berkapasiti tinggi yang menggunakan optik fiber di antara 2.5 gigabits hingga 10 gigabits. Impian kerajaan ialah untuk mewujudkan 'Electronic Government.' Apa yang boleh dilihat di sini ialah pihak kerajaan ingin mengurangkan red tape serta ketidakcekapan yang wujud selama ini. Langkah seterusnya ialah memperkenalkan penggunaan multi purpose card/My Kad iaitu kad pengenalan yang mengandungi pelbagai maklumat peribadi pembawa kad seperti lesen memandu, butir-butir paspot, tarikh lahir, jenis darah, nombor akaun bank dan sebagainya. Tujuan pengenalan kepada penggunaan My Kad ialah untuk memudahkan pelbagai pihak termasuk pembawanya. Misalnya, pembawa My Kad ini tidak perlu menggunakan paspot apabila ingin melancong ke luar negara, sebaliknya hanya menggunakan My Kad sebagai pengenalan dirinya. Ianya hanya boleh digunakan sekiranya ia diiktiraf oleh sesuatu negara itu, misalnya baru-baru ini ia telah diluluskan oleh kerajaan Brunei dan akan diikuti oleh Singapura dan negara-negara Asean yang lain memandangkan penggunaan My Kad masih baru dan Malaysia merupakan negara di dunia yang menggunakannya. Selain daripada sebagai paspot, ia juga amat berguna sekiranya berlaku kemalangan atau kecemasan. Gajet atau mesin komputer khas dapat membaca pengenalan diri pembawa dan ini akan memudahkan pemprosesan maklumat. Ini kerana segala maklumat serta butir-butir diri pembawa My Kad telah dimasukkan serta diprogramkan dalam komputer utama pendaftaran. Dengan itu, ianya juga akan memudahkan pihak polis atau kastam untuk mengesan pesalah dan mengawal keamanan. Ini kerana My Kad tidak boleh diklon atau diduakan dengan sistem keselamatan yang ada dan ia menggunakan microchip. Keadaan ini berbeza dengan sistem pengenalan diri lama yang boleh diklonkan.

#### Institusi Pendidikan

Selain daripada My Kad, penubuhan Universiti Multimedia (MMU) juga merupakan satu langkah untuk melahirkan masyarakat maklumat di Malaysia. Bermula daripada cawangannya di Melaka yang dikenali sebagai Universiti Telekom, MMU dibina di Cyberjaya sebagai kampus utamanya. Tujuan MMU ditubuhkan adalah untuk memastikan bahawa negara mempunyai graduan yang mencukupi untuk mencapai hasrat masyarakat maklumat. Sekolah-sekolah kerajaan pula dilengkapi dengan kemudahan dan keperluan komputer yang dipasangkan dengan talian internet. Sekolah-sekolah ini digelar sekolah bestari yang mana setiap sekolah mempunyai makmal komputer tersendiri dan aktiviti pembelajaran akan dijalankan di dalam makmal ini. Ianya bertujuan memberi pendedahan pada peringkat yang lebih awal kepada para pelajar kita. Dengan itu, mereka akan lebih bersedia dan menerima perubahan yang berlaku. Selain itu, para pelajar juga diperkenalkan dengan penggunaan komputer serta internet sebagai alat pembelajaran dan mendapatkan nota-nota serta panduan. Terdapat juga program-program yang dihasilkan dalam bentuk cakera padat yang mana silibus pelajaran berdasarkan tahap yang diluluskan oleh kementerian pendidikan. Dengan ini, para pelajar tidak lagi terlalu bergantung kepada nota dari guru atau kelas. Bagi mereka yang tertinggal atau tidak dapat mengejar apa yang disampaikan oleh guru di dalam kelas, mereka juga boleh melayari laman web ataupun cakera padat untuk mengulang-kaji

pelajaran yang tertinggal.

Bagi mereka yang tidak dapat melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa di dalam kampus di institusi pengajian tinggi awam atau swasta, boleh mendapatkan pendidikan secara jarak jauh. Para pelajar yang mengambil kursus ini hanya perlu hadir ke kuliah pada suatu tempoh sahaja. Manakala, mereka akan mendapatkan bahan-bahan kuliah melalui laman web yang disediakan. Bagi kuliah pula, mereka akan berhubung dengan pensyarah melalui e-mail ataupun tele-conference. Boleh dikatakan, hampir keseluruhan institusi pengajian tinggi mempunyai perkhidmatan ini. Selain itu, para pelajar di universiti di lengkapi dengan pelbagai kemudahan moden. Antaranya ialah penggunaan krisalis di perpustakaan untuk memudahkan para pelajar mencari maklumat serta buku-buku yang diperlukan. Bukan sahaja krisalis, para pelajar juga melayari laman web universiti untuk mengetahui perkembangan semasa yang berlaku serta mendapatkan tarikh-tarikh penting seperti cuti semester ataupun menyemak keputusan peperiksaan. Pelajar juga dapat berhubung dengan pensyarah melalui e-mail berkaitan dengan masalah pembelajaran atau kerja kursus.

Kementerian Pendidikan pula dilengkapi dengan laman web yang sentiasa dikemaskini. Ini bermakna maklumat-maklumat semasa mengenai pendidikan dapat diperolehi apabila kita melayari laman web ini. Misalnya, kini, para pelajar tidak perlu menunggu berita daripada televisyen ataupun akhbar untuk mendapatkan keputusan untuk kemasukkan ke institusi pengajian tinggi, sebaliknya hanya melayari laman web sahaja. Selain daripada keputusan ini, para pelajar juga boleh menyemak jawapan bagi peperiksaan umum di laman web yang disediakan.

Bukan sahaja bagi kementerian pendidikan, tetapi jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian yang lain juga mempunyai laman web mereka yang tersendiri untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna. Sebagai contoh, para pengundi yang telah mendaftarkan diri sebagai pengundi boleh menyemak kawasan pengundian mereka melalui laman web.

#### Institusi Ekonomi

Daripada pentadbiran dan pendidikan, kita beralih pula kepada bidang ekonomi. Dalam bidang ekonomi, apa yang ditekankan ialah tahap penggunaan teknologinya. Ekonomi Malaysia pada awalnya bergantung kepada pertanian yang berubah kepada industri ringan dan berat. Kini, kita lebih menumpukan ekonomi yang menggunakan teknologi tinggi. Apa yang ditekankan ialah knowledge-economy (k-economy). Dalam konteks k-economy, ia menekankan penggunaan Information & Communication Technology (ICT) serta Teknologi Maklumat (IT). Ini adalah kerana aktiviti ekonomi serta perniagaan kebanyakannya dijalankan secara antarabangsa. Oleh itu, kita memerlukan platform yang dapat menyambung aktiviti ekonomi ini kepada dunia luar. Misalnya, keseluruhan bank atau syarikat kewangan di dalam negara kita menggunakan sistem perbankan online yang mana segala bentuk transaksi dan aktiviti di antara individu atau firma dengan pihak bank dapat dijalankan melalui penggunaan internet sahaja. Selain itu, para pelanggan juga boleh melakukan jual beli saham melalui internet juga. Mereka tidak memerlukan broker lagi, sebaliknya komputer yang akan melakukan segala aktiviti tersebut. Ada juga bank yang menyediakan perkhidmatan pembayaran bil-bil bagi pihak pelanggannya.

Bukan sahaja bidang perbankan atau kewangan, tetapi syarikat-syarikat lain seperti firma penerbangan, syarikat jualan, dan sebagainya juga menggunakan internet untuk memasarkan serta menjual produk mereka secara online. Ia bukan sahaja menjimatkan masa pelanggan, tetapi memudahkan aktiviti perniagaan di mana pelanggan tidak perlu membuang masa pergi ke kedai bagi mendapatkan barangan yang dikehendaki, sebaliknya mereka hanya perlu melayari laman web yang disediakan dan membuat tempahan melalui

laman web tersebut dan barangan tersebut akan dihantar ke rumah mereka. Segala bentuk bayaran akan dicaj ke dalam akaun pembeli.

Tenaga kerja negara kita juga mengalami perubahan yang mana kini kita tidak lagi bergantung kepada tenaga manusia semata-mata. Jika pada masa dahulu, Malaysia banyak menggunakan kepakaran asing terutamanya dari negara Amerika Syarikat, Eropah, serta Jepun. Kini, negara sudah mampu menghasilkan golongan pekerja yang mahir dan profesional. Seinggakan ramai rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. Dengan adanya kepakaran serta jumlah tenaga kerja yang ramai, ia telah membawa kepada pelaburan langsung asing ke Malaysia. Banyak pelabur-pelabur asing yang membina loji serta kilang-kilang di sini kerana kepakaran yang kita ada serta jauh lebih mudah berbanding dengan negara lain. Selain itu, latihan yang diperlukan untuk melatih rakyat kita jauh lebih rendah daripada negara-negara lain. Ia bukan sahaja menjimatkan masa, malahan kos serta dapat mengeluarkan produk yang berkualiti. Inilah yang dikatakan sebagai knowledge worker. Malahan, tahap pendidikan golongan wanita di negara kita juga tidak kurang hebatnya. Kini, hampir kesemua institusi pengajian tinggi mencatatkan jumlah pelajar perempuan lebih ramai daripada lelaki. Keadaan ini dapat memperbaiki ketidakseimbangan anantara jantina.

#### Institusi Kesihatan

Dalam sistem kesihatan pula, kementerian kesihatan telah memperkenalkan tele-health ataupun tele-medicine. Dengan adanya sistem ini, makapara pesakit boleh terus berhubung dengan doktor untuk mendapatkan rawatan secara online. Ianya dapat menjimatkan masa kedua-dua pihak dan pesakit boleh terus mendapatkan ubat-ubatan yang dicadangkan oleh doctor di pusat-pusat farmasi. Segala maklumat mengenai pesakit pula disimpan di dalam sistem komputer hospital. Oleh itu, sekiranya pesakit tersebut dimasukkan atau mendapatkan rawatan kesihatan di hospital yang lain, mereka tidak perlu mengisi borang butir diri sebaliknya segala data boleh diperolehi melalui komputer.

Putrajaya bukan sahaja merupakan pusat pentadbiran kerajaan elektronik Malaysia, tetapi ia juga merupakan satu kawasan kediaman yang bercorakkan masyarakat maklumat serta pintar. Ini adalah kerana setiap buah rumah yang didirikan di situ mempunyai sambungan kepada internet. Dengan itu, penghuni di situ dapat mengakses internet dengan lebih mudah. Kini, bukan sahaja rumah-rumah di Putrajaya, tetapi di luar dari kawasan ini juga telah menawarkan kemudahan yang sama. Ini menunjukkan bahawa rakyat negara kita adalah fleksibel dan dapat menerima perubahan dengan cepat.

Sebenarnya, untuk melahirkan masyarakat maklumat di Malaysia bukanlah mudah. Penerapan kepada penggunaan Teknologi Maklumat (IT) perlulah selaras dengan kebolehan serta keperluan semasa. Apa yang penting ialah kemahuan atau keinginan rakyat kita menerima perubahan ini walaupun pihak kerajaan merupakan akitek utama kepada idea ini seperti penubuhan MSC serta institusi lain di bawah seliaan Malaysia Development Corporation (MDC). Kadangkala, bukan semua yang dipraktikkan adalah sesuai dengan norma serta nilai masyarakat kita, tetapi ia perlu diubah agar dapat di terima umum dan tidak merosakkan nilai masyarakat kita.

Keseluruhannya, apa yang dapat kita lihat ialah Malaysia sedikit sebanyak dapat melahirkan masyarakat maklumat selaras dengan negara lain. Walaupun kita masih lagi berada dalam negara dunia ke-3, tetapi infrastruktur yang ada hari ini menunjukkan bahawa kita sememangnya setanding dengan negara maju yang lain. Bukan sahaja infrastruktur, tetapi kita juga mampu melahirkan golongan cerdik pandai yang dapat menampung keperluan tenaga kerja mahir. Daripada bidang pentadbiran kepada saintis, segalanya mampu dilahirkan dalam negara kita. Ini adalah kerana rakyat kita dapat mengikuti dan menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Walaupun kita menghadapi

globalisasi, tetapi kita tidak tenggelam begitu sahaja, malahan dapat bersaing dengan negara yang lebih maju serta moden.

Sepertimana yang kita semua tahu, untuk mencapai apa yang kita perolehi hari ini memerlukan pergorbanan yang besar. Kita tidak boleh hanya leka dalam mengejar apa yang diinginkan tetapi nilai serta norma masyarakat diabaikan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa apabila kita membenarkan pintu negara kita terbuka, ia akan membawa masuk segala perkara samada baik atau buruk. Namun, sekiranya kita dapat membezakan apa yang baik dan buruk, maka sudah tentu ini tidak menjadi satu masalah.

Akan tetapi, dalam masyarakat yang pelbagai ini, tentu akan wujud segelintir mereka yang mementingkan diri serta tamak. Keadaan ini akan membawa masalah kepada negara. Jenayah kolar putih misalnya, semakin menular di negara kita. Apabila golongan pekerja kita lebih cekap dan mahir, mereka akan lebih cenderung melakukan kesalahan sekiranya tidak dapat membezakan mana yang baik atau tidak.

#### Pengenalan Kepada Budaya Siber

Budaya dalam ontologi ruang siber telah membentuk dua perspektif. Di satu aspek, akan melahirkan golongan masyarakat yang lebih baik dari segi produktiviti yang melihat teknologi digital sebagai era pembangunan ekonomi dan kemakmuran. Manakala di satu aspek yang lain lahirnya utopianisme teknologi yang melihat teknologi media sebagai kuasa demokrasi dan bersifat peribadi, mempunyai kebebasan dari segi sosial dan semangat. Hasil daripada sintesis sedemikian telah melahirkan neoliberalisme, radikal, dan keazaman teknologi yang baru. Ruang anarkis ini bukan sahaja akan melahirkan individu yang mempunyai agenda tersendiri tetapi turut melahirkan penggadam komputer yang pernah melumpuhkan rangkaian sistem komputer dan kerugian yang bukan sedikit. Bayangkan sistem komputer di Pentagon diceroboh sebanyak 250 ribu kali

#### Institusi Keluarga

Budaya siber yang telah berkembang ekoran majunya sains teknologi dan sains komputer, yang sudahpun kita terima sebagai suatu ilmu yang diperlukan mengikut peredaran zaman. Kehadirannya bukan untuk disekat, tetapi remaja dan muda mudi hendaklah mempunyai kekuatan dan kekebalan peribadi dan dalaman yang berasaskan aqidah iman, ilmu, akal, akhlak dan mulia.

Kerana itu golongan remaja harus bijak memanfaatkan ilmu atau maklumat yang disalurkan melalui internet. Malah kita sewajarnya memiliki daya tapis dan seiring antara maklumat yang berguna, baik dan boleh membina nilai-nilai positif demi sebuah

kehidupan yang bahagia, sejahtera dan selamat di dunia.

Manakala maklumat yang bersifat negatif dan boleh memberi kesan yang tidak baik kepada diri remaja dan rakan, ketegasan diri dan sikap kita perlu diperkatakan supaya nilai-nilai negatif yang terdapat dalam internet tidak menyubur dalam pemikiran dan pembawaan remaja. Seumpama kita melihat peraturan, hukum atau etika yang dikenakan dalam perkara yang menyangkut kehidupan seharian, seperti kawasan larangan merokok, bagi orang yang mahu dan sensitif dengan peraturan dia tidak akan merokok di kawasan larangan itu, bukan sekadar takut kena denda, tetapi dijiwanya terasuh suatu sikap dan peribadi hormat kepada hukum dan terasa dirinya mempunyai tanggungjawab bersama dalam mendaulatkan peraturan yang bermanfaat kepada diri dan masyarakatnya.

Kita boleh membandingkan di sini dari segi kekebalan dan kekuatan peribadi sendiri dalam usaha untuk mendisiplinkan diri supaya tidak mudah terikat nilai negatif yang disalurkan melalui internet. Tentang nilai positif siber berupa ilmu dan juga maklumat bermanfaat lagi baik, inilah sepatutnya golongan remaja utamakan dan cari.

Ruang untuk mencari kebaikan dan berbuat yang terbaik itu bagi golongan remaja sentiasa terbuka luas, seluas bumi yang terhampar, walaupun kita berlawan dengan ruang, iklan dan promosi untuk menjerumus remaja ke arah kejahatan juga cukup hebat, apa lagi melalui internet yang dihasilkan dari ilmu sains komputer itu.

Kemajuan sains dan teknologi, sains komputer dan internet memang diperlukan oleh generasi manusia zaman ini dan begitu juga kepada golongan remaja. Internet tidak merosakkan manusia dan remajanya, malah manfaatnya juga cukup banyak dari segi penyebaran maklumat, ilmu hubungan dan lain-lain. Dengan syarat manusia yang mengendalikannya, termasuklah tukang cipta sains komputer ini dan para penggunaanya.

#### Institusi Politik

Politik dunia semakin berubah, kuasa siber tanpa batas, media semakin berkuasa menjadi penentu hala dunia, negara-negara bersatu bukan atas asas ideologi, warga tanpa negara, ancaman tidak datang dari kuasa manca negara dan nasionalisme kembali bangkit tetapi bukan dari negara yang dijajah.

Revolusi digital telah mengubah kepentingan maklumat dan peranan media. Revolusi digital dan teknologi maklumat telah memastikan yang sejarah belum tamat dan garisan sempadan geografi belum muktamad. Inilah realiti maya, iaitu konsep masa telah tamat dan konsep ruang telah menghilang. Maka, wujudlah dunia tanpa sempadan dan munculnya istilah desa global. Komputer peribadi yang digabungkan dengan pelbagai peralatan canggih multimedia yang mempunyai hubungan dengan rangkaian kabel maklumat yang lebih pantas, murah dan lebih berkesan. Oleh itu seseorang pengguna

Internet di rumah mampu berhubung dan berinteraksi ke seluruh dunia serta boleh memperoleh apa-apa maklumat dengan pantas hanya dengan melayari di laman Internet. Ideologi Internet dan teknologi komputer telah membantu mencipta ruang kuasa manusia yang digelar ruang siber, iaitu pengguna memasuki ruang tanpa sempadan geografi dan tanpa halangan masa. Di ruang siber ini atau realiti maya ini, pengguna menjadi seorang anarkis tanpa kawalan undang-undang dan pihak berkuasa. Sekali gus Internet atau teknologi siber telah memberi kuasa kepada individu untuk bertindak menentang "sistem" dan memberi sepenuh potensinya sebagai manusia. Segala-galanya terletak pada etika yang ada pada pengguna tersebut.

Internet telah digunakan bagi menghubungkan pentadbir (ahli politik) dan rakyat. Ia dapat mengurangkan halangan dalam penyebaran maklumat baik di peringkat tempatan mahupun global. Individu atau organisasi tidak perlu berbelanja besar untuk



menerbitkan maklumat mengenai kegiatan mereka di Internet.

Terdapat perbincangan konsep baru dalam perancangan bandar iaitu Bandar Bistari. Konsep Bandar Bistari boleh dikaitkan dengan infrastruktur maklumat yang lengkap dan canggih serta aplikasi komputer yang meresap ke dalam kehidupan seharian penduduk di bandar tersebut. Majoriti populasi penduduk dalam Bandar Bistari akan terdiri daripada golongan pekerja ilmu (knowledge worker) yang merupakan ciri Gelombang Ketiga. Ini berbeza berbanding dengan bandar biasa yang kebanyakan penduduknya terdiri daripada pekerja kilang yang melambangkan Gelombang Kedua.

Oleh kerana bidang politik berkaitan dengan aktiviti manusia, maka perubahan cara hidup penduduk di Bandar Bistari akan membawakan perubahan dalam paradigma berpolitik. Corak kegiatan berpolitik, mod penyertaan rakyat dalam politik serta darjah ketelusan kerajaan (transparency of the government) akan dikaji dalam analisis ini dengan rujukan kepada kes Bandar Bistari.

Dalam Bandar Bistari, ahli politik yang masih mengamalkan politik zaman Gelombang Kedua akan mengalami satu kejutan budaya politik (political cultural shock). Ini kerana peraturan permainan politik akan mengalami satu perubahan paradigma.

Perkara yang terpenting bagi ahli politik ialah musim pilihanraya. Segala perubahan terhadap peraturan pilihanraya akan diperdebatkan dengan hebatnya oleh para ahli politik kerana perubahan terhadap peraturan tersebut seumpama mengubah peraturan permainan sukan yang kemudian akan menentukan jatuh bangunnya karier politik mereka. Walaupun tentangan sebahagian ahli politik terhadap sesuatu perubahan peraturan yang merugikan pihak mereka, tetapi evolusi dalam proses pilihanraya adalah sesuatu yang semestinya berlaku sejajar dengan peredaran zaman.

Alam Siber menawarkan peluang yang begitu menarik bagi ahli politik untuk memperluaskan kegiatan dan menyebarkan utusan mereka dengan cepat dan murah. Lebih-lebih lagi parti kecil yang jarang berpeluang untuk muncul di alam televisyen, radio atau akhbar atas masalah kesuntukan kewangan atau pengawalan ketat parti pemerintah dalam media-media tersebut. Parti politik ini dapat menggunakan ruang siber sebagai medan kempen pilihanraya. Secara ringkasnya, pilihanraya di Bandar Bistari akan merupakan satu proses yang bersih dan adil.

Pada masa Athens lama (Gelombang Pertama), cara politik diamalkan ialah politik bersemuka. Iaitu, ahli politik di Athens lama berkempen dengan cara 'turun ke padang' bertemu dengan rakyat secara terus. Rakyat yang ingin membangkitkan isu politik hanyalah dapat berbincang di pasar dan impak terhadap keputusan politik adalah kurang.

Pada zaman Gelombang Kedua, cara berpolitik mengalami perubahan dengan wujudnya teknologi percetakan, radio serta televisyen yang dapat menyebarkan maklumat politik kepada sasaran pengundi yang ramai dengan kos yang kurang. Mod penyertaan rakyat biasa dalam politik masih terhad kepada perbincangan di ruangan pembaca di suratkhobar ataupun semasa sesi mesyuarat perjumpaan pemimpin-rakyat.

Pada zaman Gelombang Ketiga, kemunculan Internet serta infrastruktur maklumat yang cekap menawarkan peluang berpolitik yang baru. Kumpulan diskusi yang memperdebatkan isu-isu politik tempatan telah membuka ruang baru kepada pengguna rangkaian Internet untuk menyalurkan pendapat masing-masing.

Parti pembangkang yang tidak berpeluang untuk muncul di televisyen, radio ataupun suratkhobar di bawah kawalan ketat parti pemerintah akan berpeluang berbuat demikian di Zaman Gelombang Ketiga melalui homepage di Internet. Tambahan pula, dijangkakan bahawa kumpulan komuniti elektronik yang kecil akan tumbuh seperti cendawan selepas hujan di Bandar Bistari. Komuniti elektronik ini biasanya memperjuangkan sesuatu isu khusus seperti isu alam sekitar, isu hak wanita dan seumpamanya.

Komuniti elektronik ini akan menggunakan medan mailing list atau newsgroup sebagai medan perbincangan isu politik. Justeru itu, rakyat akan mempunyai suara yang lebih lantang dan berpeluang untuk menegur dan menkritik tindakan kerajaan. Bantahan dalam bentuk berpiket akan dianggap sebagai ketinggalan zaman. Papan tanda yang menyatakan " Sila Horn untuk sokong kita" akan menjadi sejarah. Sebaliknya saluran elektronik seperti menghantar beribu-ribu mel elektronik bantahan kepada pihak bertanggungjawab akan diterokai.

Sementara itu, opinion poll akan menjadi satu budaya dalam Bandar Bistari . Pendapat umum terhadap sesuatu isu dapat diperolehi. Mereka akan diberi tempoh tertentu untuk memberi maklum balas atau pandangan mereka dengan mendial nombor khas pada telefon mereka atau menjawab secara mel elektronik ataupun mengisi borang soal-selidik di homepage tertentu. Selepas itu, komputer akan digunakan dalam mengira bilangan rakyat yang menyokong sesuatu pendapat. Dengan itu, kerajaan dapat menggunakan opinion poll sedemikian sebagai kayu pengukur terhadap pelaksanaan sesuatu polisi. Berbanding dengan era yang lain, rakyat di Bandar Bistari akan terlibat secara aktifnya dalam penentuan dasar kerajaan. Interaksi antara wakil rakyat dengan penduduk di Bandar Bistari akan dapat dijayakan dengan teknologi rangkaian yang canggih. Sesi perjumpaan tahunan dengan Datuk Bandar Bistari dengan rakyat dapat dilakukan secara video-conferencing di beberapa lokasi berbeza di Bandar Bistari. Interaksi kerajaan dengan rakyat boleh disertai oleh seluruh penduduk bandar bistari. Dengan ini, darjah penyertaan rakyat dalam politik akan meningkat. Maka, impian demokrasi "Dari Rakyat, Oleh Rakyat dan Untuk Rakyat" akan dicapai dengan suatu pentadbiran kerajaan yang mementingkan kebajikan rakyat.

Dalam Bandar Bistari, ketelusan dalam urusan kerajaan akan bertambah dengan sokongan infrastruktur maklumat. Ini dapat dilakukan dengan kebanyakan urusan serta maklumat kerajaan dapat diuruskan secara atas talian samada melalui Internet ataupun telefon. Penduduk di Bandar Bistari boleh memohon buku passport tanpa perlu beratur lama di Pejabat Imigresen. Mereka boleh menghantar butir diri dan gambar melalui Internet ke server Pejabat Imigresen.

Urusan kerajaan yang lain seperti permohonan kad pengenalan, pembaruan lesen memandu dan lain-lain dapat dilakukan melalui penghantaran melalui rangkaian Internet. Pelbagai agensi dan kementerian kerajaan akan disambungkan menjadi satu rangkaian WAN. Dengan ini, rakyat dapat mencapai maklumat terbaru mengenai perubahan polisi, berita terkini dan pengumuman kerajaan. Di samping itu, penduduk Bandar Bistari akan mendapat maklumat yang secukupnya terhadap segala rang undang-undang, peraturan kerajaan yang bakal atau sedang dilaksanakan.

Draf undang-undang yang akan dibentangkan untuk perdebatan di Parlimen dapat diperolehi teks penuhnya dalam bentuk homepage di server Parlimen. Dengan itu, rakyat jelata yang berminat boleh mengkaji draf undang-undang tersebut dan mengutarakan pendapat mereka di komuniti elektronik ataupun melobi kepada Ahli Parlimen. Di samping itu, teks perdebatan, soalan dan jawapan bertulis serta Hansard Parlimen Bandar Bistari dapat diperolehi secara mudah di homepage Internet. Sementara itu, statistik kehadiran ahli-ahli Parlimen juga akan dipaparkan di homepage Parlimen. Dengan ini, rakyat dapat membandingkan wakil rakyat yang mana yang efektif.

Menjelangnya Era Maklumat telah menawarkan peluang baru serta menandatangani cabaran baru kepada parti-parti politik. Parti politik yang mentransformasikan diri untuk menyesuaikan diri dengan Era Maklumat sahaja akan kekal di arena politik. Parti politik yang gagal mengikuti peredaran zaman akan ditenggelami arus Gelombang Ketiga.

Sementara itu, kemunculan Era Maklumat akan membuka pintu demokrasi dengan lebih

luas melalui penyertaan rakyat terhadap penentuan polisi kerajaan serta ketelusan pentadbiran kerajaan akan bertambah.

#### Institusi Ekonomi

Pada era digital dan siber, ini urusan manusia dan perniagaan berubah. Internet berpotensi besar untuk menjalankan perniagaan merentasi global. Menerusi saluran komunikasi baru ini, anda hanya perlu mengeluarkan kos paling sederhana tetapi menikmati kiriman maklumat multimedia dalam jumlah besar dari seluruh pelusuk dunia.

Negara kita Malaysia memanfaatkan media ini. Pertumbuhan ekonomi siber mewujudkan kategori baru perniagaan dan pekerjaan (Infrastruktur Internet, penyedia capaian Internet, pengedar kandungan maklumat pengguna dan peniaga, perniagaan runcit dan perkhidmatan kewangan dalam talian). Internet telah memberi impak secara tidak langsung terhadap lingkungan yang lebih luas. Ia menukar dengan radikalnya beberapa sektor ekonomi yang sedia ada. Ia mewujudkan pasaran baru, mengurangkan kos dan membaiki perkhidmatan pelanggan. Ia juga mewujudkan banyak peluang perniagaan kepada industri kecil dan sederhana.

Seperti lain-lain aktiviti dalam mana-mana sektor, ada kemungkinan Internet juga digunakan untuk tujuan tidak sah oleh anasir-anasir jahat. Kerangka sesuatu Internet haruslah merangkumi aspek pembangunan ekonomi, di mana mengambilkira soal keadilan sosial dan ehwal masyarakat. Pelanggan dan peniaga mesti di beri jaminan bahawa Internet adalah selamat dan terjamin bagi urusan kerja, belajar dan berhibur.

#### Institusi Agama (Islam)

Menyedari hakikat betapa pentingnya ICT dalam kehidupan, umat Islam mesti melibatkan diri bersama-sama arus ini agar tidak jauh ketinggalan di belakang umat lain. Penggunaan komputer seharusnya dipertingkatkan daripada hanya penggunaan pemprosesan maklumat, permainan komputer, hiburan kepada yang lebih jauh iaitu pelayaran di internet dan penggunaan multimedia.

Penggunaan internet kini kian meluas di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. Pembabitan golongan agama dengan ICT telah memberi kesan yang baik kepada umat Islam seluruhnya. Misalnya gabungan sinergi di antara golongan agama dan pakar ICT telah menghasilkan laman-laman web menarik yang mampu memberi input ilmu agama kepada komuniti di siber. Malah wujud juga laman yang diusahakan untuk menjawab persoalan agama secara langsung (On-line). Ini adalah kesan baik daripada teknologi internet yang dapat diusahakan untuk manfaat bersama.

Golongan agama dan pendakwah Islam disaran agar tidak perlu takut dengan apa yang wujud di dalam internet.. Ini kerana internet diibaratkan sebuah perniagaan di lebuhraya maklumat. Di situ terletak pelbagai kedai buku, masjid, gudang perniagaan pakaian termasuklah pusat hiburan seperti Disko, Karaoke TV, Pub dan sebagainya. Bergantung kepada individu tersebut di mana akan disinggahnya. Oleh itu yang penting, di sepanjang perjalanan tersebut ialah iman dan kefahaman agar umat Islam tidak melewati batas dan sempadan yang dibenarkan oleh agama, budaya dan .tatasusila masyarakat.

Usaha mempelbagaikan laman-laman web Islam oleh cerdik pandai Islam dalam bidang ICT adalah dialu-alukan untuk memberi alternatif baru kepada penyebaran maklumat di internet. Di Malaysia sahaja, laman-laman web Islam seperti jalinan keluarga, shukur.com, solat.net, ikhlas.com, mukmin.com. islam.gov.my, ikim.gov.my, haj-e.com sudah menjadi tumpuan komuniti di Internet yang dahagakan ilmu Islam. Di laman-laman web tersebut disediakan perkhidmatan agama Islam yang merangkumi fardhu ain dan fardhu kifayah. Contohnya perkhidmatan soal jawab agama yang disediakan di laman web Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Di laman web Tabung Haji pula panduan dan rujukan

tentang melakukan ibadat haji dan umrah juga dimuatkan untuk kemudahan komuniti di internet. berbeza pula laman solat.net yang menyediakan maklumat waktu solat. Pendek kata laman-laman tersebut menyediakan jenis maklumat Islam yang tersendiri di siber.

#### Institusi Sosial

Di antara kemudahan lain yang boleh didapati di internet ialah e-mail iaitu mail elektronik. E-mail ialah kemudahan menghantar mesej kepada penerima dengan menggunakan talian internet. Penghantaran mesej melalui e-mail adalah menjimatkan masa dan wang ringgit di mana ianya hanya memerlukan beberapa saat sahaja untuk dapat dibaca oleh penerima. Dari segi kos pula ianya tidak memerlukan wang yang banyak seperti penggunaan setem 30 sen jika menggunakan sampul surat seperti kaedah sebelum ini.

Di internet terdapat banyak perkhidmatan e-mail secara percuma. Selain menggunakan e-mail pendaftaran seperti TMNET atau JARING, kita berpeluang menggunakan perkhidmatan email daripada laman-laman web seperti HOTMAIL, dan WAUMAIL. Laman-laman tersebut menyediakan ruang simpan mesej dan perkhidmatan menghantar e-mail secara percuma melalui internet. Dengan mengisi alamat email rakan yang betul, tajuk mesej dan kandungan mesej serta juga boleh diselitkan penghantaran lain seperti dokumen atau imej, ianya pasti sampai dengan selamat dan cepat.

#### Institusi Pendidikan

Ruang siber makin membesar ke arena pendidikan negara kita. Kepentingan penggunaan komputer (internet) di dalam sekolah serta institusi pengajian tinggi begitu mengalakkan. Di bawah merupakan direktori ronda siber pendidikan:

##### INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

Universiti Malaya

Universiti Islam Antarabangsa

Universiti Putra Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia

Universiti Sains Malaysia

Universiti Teknologi Mara

Universiti Utara Malaysia

Universiti Malaysia Sabah

Universiti Malaysia Sarawak

Universiti Perguruan Sultan Idris

Universiti Multimedia

Universiti Tenaga Nasional

Universiti Teknologi Petronas

Universiti Tun Abdul Razak

##### LAIN-LAIN:

CikguNet - Istimewa untuk para guru. Terdapat juga bahan menarik untuk pelajar.

E-Tuisyen - Panduan dan bimbingan khusus kepada anda yang akan menghadapi peperiksaan utama seperti UPSR, PMR, SPM secara "on-line" dengan nota-nota komprehensif, latihan pengukuhan dan paparan menarik.

MyLib - Portal berkonsepkan perpustakaan digital maya yang diadakan dengan tujuan untuk menjadikan sumber maklumat lebih ekonomikal dan efisien bagi diakses oleh pengguna

My E-Tutor - Portal interaktif yang dibuat untuk menjadikan pembelajaran tutorial secara on-line sebagai salah satu gayapembelajaran terkini yang menarik dan efektif.

EduNet - Profil IPTS dan kursus yang ditawarkan.

MyWeb Education - Panduan pendidikan di dalam Bahasa Inggeris. Sesuai untuk pelajar menengah atas yang nak merancang untuk melanjutkan pelajaran

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) - Kepada remaja yang ada membuat pinjaman untuk pendidikan di PTPTN, masuklah laman web ini untuk memeriksa status pinjaman anda.

PendidikNet - Berunsurkan pendidikan yang mengandungi pelbagai topik berkaitan yang menarik seperti institusi siber dan pelajar siber.

My Educare - Satu lagi alternatif untuk para remaja yang hendak melanjutkan pelajaran, termasuk panduan karier, bantuan kewangan, dan lain-lain lagi.

Minda Cemerlang- Khusus untuk pelajar, pendidik dan juga ibu bapa dalam pelajaran meliputi motivasi, teknik belajar, kemahiran berfikir dan e-study.

Laman Guru dan Pelajar - Untuk guru dan pelajar, memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kritikan

Dengan idea mewujudkan masyarakat maklumat, kita bukan sahaja mampu memajukan negara kita, malahan menaikkan taraf kehidupan, mengubah persepsi dunia tentang rakyat Malaysia, dan sebagainya. Misalnya, dengan adanya Putrajaya, maka ramai yang telah mengenali negara kita kerana kita merupakan salah satu negara di Asia Tenggara yang mengamalkan kerajaan elektronik. Bukan itu sahaja, pentadbiran kerajaan akan berpusat di sini dan ini memudahkan urusan. Kini, segala urusan dengan pihak kerajaan kurang menggunakan protokol atau kertas kerja. Semuanya boleh dilakukan melalui online sahaja. Rakyat pula diperkenalkan dengan penggunaan My Kad yang mana ia memudahkan segalan urusan kerana segala butir-butir diri terkandung di dalam sekeping kad sahaja. Malahan, Malaysia merupakan negara di dunia yang pertama yang menggunakan My Kad.

Bidang pendidikan pula mengalami satu evolusi terbesar dalam sejarah pendidikan negara. Para pelajar diberikan pendedahan seawal dari bangku sekolah lagi. Mereka tidak hanya bergantung kepada pengajaran guru ataupun nota kuliah, tetapi terdapat pelbagai cara lain yang boleh digunakan. Ini menjadikan pembelajaran lebih menarik dan mudah diikuti.

Ekonomi Malaysia pula semakin berkembang dengan adanya kemudahan infrastruktur antara yang terancang di dunia. Tambahan pula, negara kita mempunyai Cyberjaya yang mana syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa akan berpusat di sini malahan berdekatan dengan Kuala Lumpur International Airport (KLIA). Selain itu, syarikat-syarikat di Malaysia juga menggunakan teknologi yang agak tinggi serta canggih. Misalnya, operasi perbankan boleh diakses melalui internet dan laman web. Kini, telah muncul pula syarikat-syarikat tempatan yang berkonsepkan cyberbusiness yang menghasilkan produk-produk Teknologi Maklumat ataupun perisian. Ini merupakan satu kejayaan kepada para pengusaha tempatan.

Tetapi apakah kesemua ini boleh dijadikan satu kebanggaan kepada rakyat Malaysia sekiranya kita tidak benar-benar memanfaatkan pencapaian ini dengan cara yang betul.

Masyarakat maklumat membawa maksud bahawa dunia adalah tanpa batasan atau sempadan yang mana segala umat manusia yang hidup di muka bumi akan berkongsi maklumat yang ada. Ini bermakna bahawa apa-apa sahaja boleh berlaku jika tidak adanya kawalan ataupun kesedaran dikalangan rakyat kita. Oleh itu, kita perlu melihat aspek-aspek ataupun impak-impak yang bakal menimpa masyarakat kita. Jangan hanya terlalu mengejar kepada pencapaian tetapi nilai masyarakat kita terbiar begitu sahaja.

Tambahan pula, kegiatan manusia menjadi semakin bebas dan boleh berlaku aktiviti-aktiviti seperti penipuan, penyelwengan, penyebaran virus, berita-berita palsu dan sebagainya.

Dunia Teknologi Maklumat tidak boleh dibanggakan sekiranya ia tidak selaras dengan peraturan dan norma. Apakah maknanya jika kita mempunyai teknologi yang tercanggih di dunia tetapi rakyat tidak bermoral dan banyak melakukan jenayah keseluruhan. Budaya siber sememangnya telah mengubah cara hidup masyarakat Malaysia secara keseluruhannya. Teknologi bercorak siber ini semakin berkembang dengan begitu pesat sekali. Anjakan paradigma perlu berlaku agar kita tidak ketinggalan dan mengelak daripada berlakunya 'cyber-shock'. Fenomena ini sedang menjalar secara dinamik sehingga kini keputusan penting boleh dilakukan dengan tekanan butang. Komunikasi, perniagaan dan banyak lagi aktiviti manusia dapat dibereskan secara 'online'. Inilah hasil kemajuan manusia pada abad ini, sudah tentu mengagumkan. Walau bagaimanapun, budaya siber bukan sudah tentu boleh diadaptasi dan diterima sepenuhnya. Anasir-anasir jahat seperti 'hacking', 'spamming' dan 'virus' perlu diberi perhatian. Kebebasan bersuara yang sedia ada seharusnya tidak disalahgunakan. Tetapi malangnya penyalahgunaan Internet berleluasa pada masa ini. Langkah-langkah perlu diambil dan dikenal pasti supaya Internet terus kekal sebagai alat komunikasi yang unggul pada abad ini. Antara perbualan-perbualan yang boleh membawa ancaman kepada masyarakat dan patut dikawal adalah bahan lucah, judi siber, fitnah dan gangguan seksual. Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 ada memperuntukkan penubuhan satu Forum Pengisian yang akan menentukan etika-etika dan garis panduan yang patut diikuti dalam dunia siber. Seksyen 231 Akta tersebut membolehkan pengawalan bahan-bahan yang menyalahi, tidak sopan dan tidak senonoh. Penggunaan dunia siber untuk melakukan perbuatan jenayah adalah suatu yang dimaklumi. Perbuatan-perbuatan seperti tipu, bahan lucah, piramid, judi siber, penipuan kad kredit, peras ugut, pengintipan industri, pelaburan haram dan sebagainya seharusnya dikawal selia untuk mengelakkan dunia siber daripada menjadi dunia liar seperti the wild wild west. Perbuatan-perbuatan tersebut adalah salah di bawah peruntukan sekarang dan seharusnya dianggap sebagai kesalahan di dunia siber juga. Sekiranya tidak, dunia siber akan menjadi pusat jenayah dan seterusnya membantut usaha-usaha untuk memantapkan Internet sebagai pemantau K-ekonomi.

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, masyarakat maklumat dan budaya siber saling berkaitan. Untuk memastikan negara kita terus maju kita perlu sentiasa bersaing dengan negara lain. Oleh yang demikian, pihak kerajaan dan swasta perlu memainkan peranan masing-masing bagi mencapai hasrat Wawasan 2020. Era globalisasi telah membuka pintu bagi rakyat Malaysia untuk maju ke hadapan dalam menempuh modenisasi. Langkah kerajaan dalam memperkenalkan MSC (Multimedia Super Corridor) merupakan satu langkah yang tepat untuk menghasilkan masyarakat maklumat dan budaya siber. Ini kerana melalui MSC, banyak perkara yang dapat didedahkan kepada masyarakat kita.

## Rujukan

- 1) Mohamad, Mahathir, (2002), A Visionary & His Vision Of Malaysia's K-Economy, Pelanduk Publications, Subang Jaya.
- 2) Massa 20-26 April 2002
- 3) Utusan-Malaysia, 20 April 2001.
- 4) [www.washington.edu/rccs](http://www.washington.edu/rccs)
- 5) [www.teennet.com.my/didik.html](http://www.teennet.com.my/didik.html)

SKW 320-Falsafah Penyelidikan Sains Sosial